

# Agih 4,000 paket makanan Brahim's

**Bangi:** Sebanyak 4,000 paket makanan diagihkan kepada penuntut yang kurang berkemampuan di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui program #BrahimsCares food bank.

Pengerusi Eksekutif Brahim's Dewina, Datuk Seri Ibrahim Ahmad Badawi berkata, pihaknya sudah menyerahkan bantuan itu sebelum diagihkan kepada 100 penuntut di universiti terbabit.

Menurutnya, pihak universiti diberi pilihan bagi mengagihkan semua paket makanan itu kepada pelajar yang kurang berkemampuan mengikut rekod mereka.

"Setiap universiti menerima 2,000 paket makanan pelbagai produk Brahim's seperti nasi dan lauk segera bagi tempoh 10 minggu iaitu lebih kurang satu semester.

"Pelbagai produk segera seperti nasi briyani ayam, nasi goreng ayam, nasi arab kambing dan lain-lain lagi



**IBRAHIM (kanan) beramah mesra bersama anak yatim dari Rumah Amal Peribadi Mulia yang turut hadir sempena Majlis Sambutan Aidilfitri dan Pelancaran Program CSR #Brahimscares di Bangi Convention Centre.**

diedarkan dalam program ini dan semuanya mempunyai jangka hayat selama 18 bulan.

"Tidak dinafikan masih ada dalam kalangan penuntut universiti yang kurang berkemampuan membeli makanan setiap hari dan kita berharap dengan bantuan ini dapat meringankan beban mereka," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui dalam

Program Pelancaran #BrahimsCares dan Rumah Terbuka Brahim's di Bangi Convention Centre, Bandar Baru Bangi di sini, semalam.

Turut hadir, Dekan Fakulti Sains dan Teknologi Makanan UPM, Prof Dr Nazamid Saari, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UKM, Prof Datuk Dr Othman A Karim dan Pengarah Kumpulan Brahim's Dewina, Nur Fatin Ibrahim.